

B 8903 AAB

MAHATHIR - RAZALEIGH R'R'R'

KUALA LUMPUR, 22 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA TENGGU RAZALEIGH HANZAH TELAH MENOLAK TAWARANNYA UNTUK MENYERTAI KABINET SEBAGAI MENTERI TAW BERPORTFOLIO DENGAN ALASAN KONONNYA TAWARAN ITU BERUPA +RASUAH POLITIK.+

JAWAPAN TENGGU RAZALEIGH ITU TERKANDUNG DALAM SURATNYA YANG DITERIMA BARU-BARU INI. KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMERIMA BORANG PERMOHONAN 13 BEKAS ANGGOTA MAJLIS PIMPINAN PUSAT (MPP) HAKIM UNTUK MENYERTAI UMNO DI ISU PEJABAT UMNO DI SINI.

DITANYA OLEH PEMBERITA SAHA ADA TAWARANNYA KEPADA TENGGU RAZALEIGH MASIH TERBUKA (MALAUPUN TELAH DITOLAK), DATUK SERI DR MAHATHIR MENJAWAB IA MASIH TERBUKA DAN TIADA TEMPON MASA DITETAPKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUSA PRESIDEN UMNO MEMBUAT TAWARAN BERKENAAN KEPADA TENGGU RAZALEIGH DAN BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM SEMASA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO AKHIR BULAN LEPAS, DEMI PERPADUAN ORANG MELAYU.

IA KEMUDIAN DISUSULI DENGAN SURAT RASMI KEPADA KEDUA-DUANYA. -- LAGI.

1852MST 22 11 88

B 8906 AAB

MAHATHIR - RAZALEIGH 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

SEHALAH, KETIKA DITANYA OLEH PEMBERITA DI BANGSUNAN PARLIMEN, DATUK MUSA BERKATA BELIAU BELUM LAGI MEMBALAS SURAT TAWARAN PERDANA MENTERI ITU TETAPI MENAMBAH AKAN MENBERI JAWAPAN SEDIKIT MASA LAGI.

BELIAU JUSA BERKATA JAWAPANNYA SUDAH PUN DIKETAHUI UMUM DAN SURAT ITU HANYALAH UNTUK MENYATAKAN ALASANNYA. DATUK MUSA TELAH PUN DILAPORKAN MENOLAK TAWARAN ITU.

SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN LAIN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERJUMPAANNYA DENGAN PRESIDEN MCA, DATUK DR LING LIONS SIK ADALAH PERTEMUAN BIASA DAN TIADA ISU KHUSUS YANG DIBINCANGKAN.

+KAMI HANYA BERBINCANG ANTARA SATU SAHA LAIN DAN IA MERUPAKAN PERBINCANGAN YANG BIASA,+ TAMBAH BELIAU. PERDANA MENTERI TIDAK PULA MENYATAKAN BILAKAH PERTEMUAN ITU DIADAKAN TETAPI DIPERCAYAI TELAH BERLANGSUNG PAGI INI.

SABTU LEPAS, SEJURUS SETELAH PULANG DARI BERCUPI DI LUAR NEGARI, DATUK DR LING MENBERITAHU PERHIMPUNAN DI NISMA MCA DI SINI SAHANA BELIAU AKAN MEMENUI PERDANA MENTERI TIDAK LAHA LAGI UNTUK MEMBINCANGKAN BEBERAPA PERKARA BERTUHUNG DENGAN POLITIK SEMASA DAN MASYARAKAT CINA DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA BERKATA +SEBEMARNYA TIADA MASALAH ANTARA KAMI...MUNGKIN CARA PENYAMPAIAN KATA-KATA BERSEZA.+ -- BERNAMA.

1854MST 22 11 88